

## → BISNES

## BNM sedia garis panduan berhemah lindungi peminjam

← Dari Ms.B1

Jika isu perumahan mampu milik hendak diselesaikan, semua pihak perlu jelas dengan punca sebenar masalah itu dan berusaha secara jujur untuk membantu mereka yang terjejas olehnya, katanya.

Menurut BNM, garis panduan pinjaman berhemah disediakan untuk melindungi kepentingan peminjam dengan menjamin mereka yang meminjam di bawah kemampuan dapat menyelesaikan tuntutan kewangan masing-masing.

Jelasnya, institusi kewangan akan menawarkan pembiayaan kepada semua peminjam yang layak dan hanya menolak permohonan pinjaman yang benar-benar di luar had dari segi kemampuan untuk membuat lebih banyak hutang serta mempunyai sejarah pembayaran balik kredit buruk.

### Kurang bekalan rumah

"Berdasarkan perbincangan dengan institusi perbankan, pinjaman rumah yang ditolak oleh institusi perbankan kebanyakannya membabitkan peminjam dengan tuntutan hutang sedia ada yang tinggi," kata BNM sambil menegaskan perlu diingatkan bahawa perniagaan teras institusi perbankan adalah menyediakan pembiayaan.

Penyelesaian kepada isu rumah mampu milik, kata BNM, perlu juga mengambil kira kekurangan bekalan rumah sedemikian serta harga rumah yang tinggi berbanding pendapatan.

Katanya, tahap kemampuan memiliki rumah tidak meningkat mendadak, yang mana purata harga rumah nasional kekal 4.4 kali pendapatan penengah, berbanding julat kemampuan iaitu 3.0 dan ke bawah.

Malah, tahap kemampuan lebih rendah direkodkan di sesetengah negeri utama dan bandar raya. Justeru, pemaju rumah bersama-sama dengan pihak berkuasa dan pihak berkepentingan berkaitan, perlu meningkatkan usaha mengurangkan kos dan menambah bekalan, kata BNM.

## PERSIDANGAN PASARAN MODAL 2017

# SC kaji garis panduan tingkat penilaian cadangan korporat

→ Proses semakan babit kerjasama pelbagai pihak mudahkan akses pasaran modal

Oleh Nora Mahpar  
noramahpar@bh.com.my

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) sedang mengkaji semula garis panduan ketekunan wajar untuk meningkatkan keberkesanan dalam penilaian cadangan korporat.

Timbalan Ketua Eksekutifnya, Datuk Ahmad Fairuz Zainol Abidin, berkata garis panduan yang disemak itu akan memberikan penjelasan mengenai piawaian dan jangkaan, serta akauntabiliti setiap pihak yang terbahit.

### Penting pendekatan proaktif

Katanya, proses semakan akan membabitkan kerjasama dengan industri serta profesional perundangan dan perakaunan.

"SC sedar pendekatan proaktif serta tepat adalah penting dalam mengoptimalkan peluang dan menguruskan cabaran yang wujud akibat perubahan landskap ekonomi dan pasaran.

"Perkara utama dalam agenda kami adalah bagi memudahkan akses kepada pasaran modal, dengan mengurangkan tempoh masa ke pasaran untuk penerbitan produk dan meningkatkan kecekapan operasi."

"Sebagai contoh, selama ini kami meneruskan liberalisasi tambahan rangka kerja pengawalseliaan kami untuk segmen pasaran pilihan yang sudah mencapai tahap kematangan dan kesediaan tertentu," katanya pada Persidangan Pasaran



Perkara utama dalam agenda kami adalah bagi memudahkan akses kepada pasaran modal, dengan mengurangkan tempoh masa ke pasaran untuk penerbitan produk dan meningkatkan kecekapan operasi"

Ahmad Fairuz Zainol Abidin,  
Timbalan Ketua Eksekutif  
Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Modal 2017 di Kuala Lumpur, semalam.

Acara sehari anjuran Institut Akauntan Malaysia (MIA) itu bertujuan membincangkan isu berkaitan perkembangan terkini dalam pasaran modal dan kepentingan penilaian perniagaan dalam dunia yang pantas berubah.

Fairuz berkata, Bank Dunia menjangkakan industri dana awam global mampu merangku pelaburan bernilai AS\$96 bilion setahun menjelang 2025.

"Kita telah lihat bagaimana teknologi boleh digunakan untuk membolehkan penjaminan kos bagi generasi pelabur yang semakin bijak teknologi.

### Pelaburan fintech

"Penyelesaian teknologi kewangan (fintech) mengubah cara kami melabur dan meningkatkan modal, dan mempunyai kesan yang amat mendalam terhadap perniagaan kecil dan pelabur runcit.

"Sejak kemunculan platform dana awam pertama lebih sedekad lalu, kami lihat perkembangan platform penajaan dana berasaskan pasaran alternatif yang bertujuan memenuhi permintaan baharu," katanya.

Peningkatan minat dalam fintech di peringkat global dibuktikan menerusi pertumbuhan pelaburan fintech yang meningkat enam kali ganda sejak 2008. Pada 2016, sebanyak AS\$24.7 bilion dilaburkan dalam sektor fintech membatik lebih 1,000 perjanjian.

## MIA bina rangka kerja tadbir urus korporat lebih kukuh

Pengembangan dan kekuatan pasaran modal adalah asas kepada pertumbuhan sesebuah negara, kata Ketua Pegawai Eksekutif Institut Akauntan Malaysia (MIA), Dr Nurmazilah Mahzan.

Sehubungan itu, katanya, dalam usaha Malaysia untuk menjadi destinasi pelaburan global pada masa depan, kualiti tadbir urus korporat pasaran modal akan mewujudkan perbezaan yang ketara.

Dalam usaha menarik, beliau berkata, mengekalkan dan melindungi kepentingan pelabur, profesion perakaunan jelas mempunyai

peranan besar dan penting untuk membina pasaran modal yang berbilang serta berdaya saing.

"MIA akan terus bekerjasama rapat dengan pihak berkepentingan lain untuk membina rangka kerja tadbir urus korporat yang lebih kukuh di negara ini.

### Galakkan pelaporan bersepadu

"MIA dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia menggalakkan lebih banyak syarikat mengamalkan pelaporan bersepadu sebagai satu cara untuk maju," katanya pada Persidangan Pasaran Modal 2017

di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata, dengan mempertingkatkan persekitaran bersepadu serta kemunculan teknologi yang berkembang maju, akauntan dan profesional kewangan perlu kekal berdaya saing seiring dengan kemajuan trend terkini yang berlaku dalam dunia perniagaan.

Persidangan itu juga menyentuh mengenai topik berkaitan pelaporan bersepadu sebagai jalan ke hadapan dan kesan teknologi kewangan dalam pasaran sekuriti.

Sementara itu, Ketua Pegawai Operasi Bursa Malaysia Bhd, Datin

Azalina Adham berkata, bursa tempatan akan melancarkan Leading Entrepreneur Accelerator Platform (LEAP), yang akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak pada 25 Julai ini.

Walaupun ada kemudahan perbankan, katanya, dana awam dan pasaran ACE, LEAP akan mengisytiharkan dalam menawarkan bantuan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) sebagai alternatif untuk meningkatkan modal.

"Keperluan pasaran LEAP lebih ringkas berbanding yang disediakan untuk pasaran ACE," katanya.



Nurmazilah Mahzan